



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/01/02 (HQ)

LEBIH 80 PERATUS PENGGUNA DI KELANTAN TELAH MENERIMA BEKALAN ELEKTRIK

Lebih 80 peratus pengguna elektrik di Negeri Kelantan telah menerima bekalan elektrik setakat jam 4.00 petang hari ini. Sehubungan dengan itu bilangan Pencawang Elektrik (PE) yang belum dipulihkan setakat ini ialah sebanyak 506 berbanding 1,017 pada waktu sama semalam, (1/1/15).

Jumlah beban tenaga pula yang terpaksa dipotong juga terus menurun kepada 33 MW (megawatt) berbanding 44 MW semalam, kata Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah 2), Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir. Abdul Aziz Abdul Majid.

“Setakat jam 4.00 petang ini, 46 janakuasa bergerak dengan kapasiti hingga 1,000 kVA (kilo Volt Ampere) juga sedang dioperasikan di Kelantan.

“Kami juga sedang berusaha untuk memasang beberapa lagi set-set janakuasa ini, di lokasi-lokasi yang memerlukan,” katanya.

Di Pahang, jumlah PE yang masih belum dipulihkan menurun kepada 239 setakat ini berbanding 301 semalam.

Sementara itu di Perak, sebanyak 58 PE masih dihenti tugas.

Kepada mangsa-mangsa banjir yang kembali ke premis masing-masing, para pengguna terlibat adalah diingatkan supaya memastikan pendawaian elektrik dan semua peralatan elektrik mereka adalah selamat untuk digunakan.

Sehubungan dengan itu juga, para pengguna terlibat adalah dinasihatkan untuk menggunakan khidmat kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi memeriksa terlebih dahulu pendawaian elektrik dan semua peralatan elektrik sebelum selamat untuk digunakan.

Para pengguna terlibat bolehlah menghubungi pejabat-pejabat ST di negeri masing-masing seperti nombor telefon berikut bagi mendapatkan khidmat nasihat:

1. Kelantan dan Terengganu – 09-748 7390
2. Pahang – 09-514 2803
3. Perak – 05-253 5413

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Januari 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Teng Yoon Soon (019-293 1228) / Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)*